

Baca doa
selamat
sebelum
bersidang

Pertabalan Seri Paduka kemegahan Umno: PM

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

MENTERI Besar Trengganu, **Datuk Haji Wan Mokhtar Ahmad** (menghadap mikrofon), membaca doa selamat sebelum Perhimpunan Agung UMNO Malaysia dimulakan di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur, pagi semalam.

Antara yang menadahkan tangan ialah **Presiden UMNO**, **Datuk Hussein Onn** (kanan) dan **Timbalannya, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** (kiri). — Gambar Berita Harian.

KUALA LUMPUR, Jumaat — **UMNO** hari ini mengucapkan tahniah kepada **Sultan Haji Ahmad Shah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar** sempena pertabalan sebagai Yang Dipertuan Agung Ketujuh, 10 Julai ini.

Presiden UMNO, Datuk Hussein Onn, menyampaikan tahniah tersebut bagi keseluruhan ahli **UMNO** dalam ucapannya di perhimpunan agung **UMNO** di sini hari ini.

Datuk Hussein berkata, "istiadat pertabalan yang bersejarah itu membawa kemegahan kepada **UMNO** ke-

rana **Seri Paduka** melambangkan kedaulatan dan perpaduan negara.

Katanya, ia merupakan kemuncak kedaulatan sistem pemerintahan **Beraja** mengikut perlembagaan di atas lunas-lunas demokrasi berparlimen.

"Semoga Allah melimpahkan rahmatnya serta memberi petunjuk **Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda** agar **Malaysia** di bawah naungan pemerintahan **Baginda** akan menjadi lebih maju, makmur, aman dan bersepadu," tegas **Perdana Menteri**.



2 pemimpin
parti
berbincang

TENTU ada sesuatu yang penting dibincangkan oleh kedua pemimpin parti ini, **Datuk Hussein Onn** (kanan) dan **Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** (kiri).

Gambar ini diambil semasa Perhimpunan Agung **UMNO** **Malaysia** di sebuah hotel semalam.

